

10 AUG 1986

B.M.

Sultan Azlan dilantik sebagai Canselor UM

KUALA LUMPUR, Sabtu — Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, hari ini diisytiharkan sebagai Canselor baru Universiti Malaya (UM) dalam satu upacara gilang gemilang sempena konvokesyen universiti itu di Dewan Tuanku Canselor, di sini.

Istiadat penganugerah itu bermula apabila Naib Canselor, Prof Diraja Ungku Aziz, membaca pengisytiharan oleh Yang di-Pertuan Agong mengenai perlantikan Sultan Azlan sebagai Canselor Ketiga UM.

Tempoh perlantikan baginda akan berkuatkuasa selama tujuh tahun. Baginda dilantik menggantikan Canselor Kedua, Sultanah Kedah, Tuanku Bahiyah Almarhum Tuanku Abdul Rahman, yang tamat tempohnya tahun lalu.

Turut hadir dalam istiadat penganugerahan itu ialah Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun Mohd Ali, Menteri Pelajaran, Encik Anwar Ibrahim dan isteri dan enam Naib Canselor yang mewakili enam universiti tempatan, Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan kira-kira 50 wakil universiti luar negeri.

Lebih 2,000 tetamu, kebanyakannya ibu bapa graduan menyaksikan istiadat penganugerahan itu sempena konvokesyen universiti itu tahun ini.

Pakar undang-undang

Sultan Azlan terkenal sebagai seorang pakar undang-undang dan tokoh sukan terkemuka, khususnya di lapangan hoki. Baginda diputerakan pada 19 April 1928 di Batu Gajah, Perak dan mendapat pendidikan di Sekolah Inggeris Kerajaan (Sekolah Menengah Sultan Yusuff) dan Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Baginda memperolehi Ijazah Undang-Undang (LLB) dari Universiti Nottingham, England dan diterima masuk ke Badan Peguam Inggeris oleh Honourable Society of Lincolns Inn, London.

Jawatan terakhir baginda sebelum menaiki takhta sebagai Sultan Perak ialah sebagai Ketua Hakim Negara dari tahun 1982-84.

Baginda pernah dilantik menjadi Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan setahun kemudian memasuki Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang dan menjawat jawatan Majistret Kelas Pertama (1955-56), Presiden Mahkamah Sesyen (1957-59), Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang (1959-61), Peguam Persekutuan dan Timbalan Pendakwaraya Perak (1959), Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (1962-63), Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (1963-65), Hakim Mahkamah Tinggi Tanah Melayu (1965-73), Hakim Mahkamah Persekutuan Tanah Melayu (1973-78), Hakim Besar Tanah Melayu (1979-82).

Di samping itu, baginda juga menjadi pengerusi Majlis Penasihat Pengajian Tinggi sejak 1974 dan pernah menerima anugerah Doktor Kehormat Kesusasteraan, Universiti Malaya 1979 dan Doktor Kehormat Undang-Undang Universiti Sains Malaysia 1980.

Baginda juga mempunyai minat mendalam di bidang kesukanan khususnya hoki dan bergiat cergas dalam mempertingkatkan mutu sukan itu di peringkat negeri dan antarabangsa. Baginda kini menjadi Naib Presiden Pertubuhan Hoki Antarabangsa (IHF) dan Presiden Pertubuhan Hoki Malaysia.